

Jainab mahu kecemerlangan UMS terus ditingkat

05.3.2014 3

KOTA KINABALU: Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah Datuk Hajah Jainab Haji Ahmad Ayid mahu kecemerlangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di dalam pelbagai disiplin ilmu, inovasi dan penyelidikan terus dipertingkatkan.

Katanya, masyarakat terutama yang berada di pedalaman Sabah memerlukan bantuan dan sumbangan bagi kelangsungan hidup mereka dalam pelbagai perkara.

“Sumbangan itu bukan saja melibatkan material atau kewangan sahaja tetapi apa yang lebih penting ialah

membantu mereka untuk menyedari, merebut peluang dan bersaing dengan masyarakat lain,” katanya semasa berucap melancarkan program Rentas Borneo UMS 2014, di sini, pagi Isnin.

Sehubungan itu, beliau yakin program tersebut mampu menjadi program rangkaian untuk mendekati masyarakat dengan sebaik mungkin.

Jainab juga berharap agar para peserta program itu menggunakan kesempatan yang ada untuk memasarkan jenama UMS kepada masyarakat umum dan membina jaringan hubungan dengan mereka.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dalam ucapannya berkata program berkenaan bukan saja dapat mempromosikan UMS kepada masyarakat di pedalaman Sabah tetapi juga mendekatkan warga universiti kepada masyarakat luar sekaligus mempertingkatkan jalinan kerjasama antara mereka.

“Program ini dijalankan untuk menyebarkan maklumat tentang UMS khususnya menawarkan kursus dan peluang pekerjaan kepada masyarakat pedalaman Sabah secara terus di lapangan.